

25 SEP 1998

Dompok-Pilihan Raya

PILIHAN RAYA KETIKA MUSIM BANJIR KURANG SESUAI, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 25 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata pilihan raya negeri Sabah yang akan datang lebih sesuai diadakan pada musim cuaca cerah.

"Kalau boleh kita tidak mahu pilihan raya diadakan pada musim banjir kerana ia mempengaruhi jumlah pengundi yang akan keluar mengundi, dan juga kempen pilihan raya oleh parti-parti yang bertanding," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penggalakan Sains dan Teknologi Peringkat Negeri di sini, hari ini.

Dompok yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Datuk Harun Din semalam yang mengatakan SPR lebih selesa mengadakan pilihan raya negeri ketika cuaca elok.

Ketika ditanya sama ada pilihan raya akan diadakan sebelum Februari tahun depan, Dompok berkata ia "bergantung sama ada keadaan cuaca mengizinkan."

Sekiranya Dewan Undangan Negeri tidak dibubarkan lebih awal, penggal pemerintahan kerajaan negeri akan tamat dengan sendirinya pada 18 Mac tahun depan, dan SPR mempunyai tempoh dua bulan daripada tarikh itu untuk mengadakan pilihan raya.

Jabatan Perkhidmatan Kaji cuaca sebelum ini meramalkan fenomena cuaca La-Nina yang dijangka menyebabkan banjir di Sabah dan Sarawak, kini mempunyai kebarangkalian 75 peratus berlaku.

Ditanya sama ada beliau ada mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pilihan raya, ketika beliau berada di Kuala Lumpur semalam, Dompok berkata, perkara itu tidak dibincangkan.

-- BERNAMA

JS RI